

P.U. (A) 214.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERANCANGAN,
REKA BENTUK DAN PEMBINAAN SISTEM PEMBETUNGAN DAN
TANGKI SEPTIK) 2013

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

AM

3. Pemakaian Kaedah-Kaedah
4. Tanggungjawab pemaju
5. Tatacara perancangan pembangunan

BAHAGIAN III

PERANCANGAN PEMBETUNGAN

6. Syarat penyediaan perancangan pembedungan
7. Permohonan kelulusan perancangan pembedungan
8. Pindaan kepada perancangan pembedungan
9. Kelulusan perancangan pembedungan
10. Tempoh sah kelulusan perancangan pembedungan

BAHAGIAN IV

REKA BENTUK

Kaedah

11. Syarat penyediaan reka bentuk
12. Permohonan kelulusan reka bentuk
13. Orang yang kompeten untuk meminda reka bentuk
14. Kelulusan reka bentuk
15. Tempoh sah kelulusan reka bentuk

BAHAGIAN V

PEMBINAAN

Bab 1

Kehendak am

16. Permulaan pembinaan
17. Pematuhan semasa pembinaan
18. Pemeriksaan oleh Suruhanjaya
19. Sampel untuk ujian

Bab 2

Pembinaan kerja pembedungan

20. Notis bagi memulakan pembinaan kerja pembedungan
21. Notis untuk mendedahkan kerja

Bab 3

Pembinaan kerja tangki septik

22. Notis memulakan pembinaan kerja tangki septik
23. Notis penyiapan kerja tangki septik

BAHAGIAN VI

PEMERIKSAAN DAN SURAT PENGESAHAN

Bab 1

Pemeriksaan kerja-kerja pembedungan

Kaedah

24. Pemeriksaan pertengahan
25. Notis pemeriksaan akhir
26. Penyerahan tanah dan izin lalu

Bab 2

Surat Pengesahan

27. Surat pengesahan untuk kerja-kerja pembedungan dan kerja-kerja tangki septik

BAHAGIAN VII

PENYERAHAN SISTEM PEMBEDUNGAN

28. Penyerahan sistem pembedungan
29. Pengendalian dan penyelenggaraan sistem pembedungan sebelum penyerahan
30. Tempoh tanggungan kecacatan

BAHAGIAN VIII

ORANG YANG KOMPETEN

31. Tanggungjawab orang yang kompeten
32. Kewajipan orang yang kompeten
33. Pertukaran orang yang kompeten
34. Tanggungan orang yang kompeten

BAHAGIAN IX

FI

Kaedah

35. Pembayaran fi untuk kelulusan perancangan pembedungan
36. Pembayaran fi untuk kelulusan reka bentuk
37. Pembayaran fi untuk permulaan kerja-kerja pembedungan
38. Pembayaran fi untuk pemeriksaan pertengahan
39. Pembayaran fi untuk pemeriksaan akhir

JADUAL 1

JADUAL 2

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERANCANGAN, REKA BENTUK
DAN PEMBINAAN SISTEM PEMBETUNGAN DAN TANGKI SEPTIK) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 180(*n*) dan (*p*) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Suruhanjaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan sebagai **Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perancangan, Reka Bentuk dan Pembinaan Sistem Pembetulan dan Tangki Septik) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2013.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“arkitek” ertinya mana-mana orang yang berdaftar sebagai seorang arkitek di bawah undang-undang yang berkaitan dengan pendaftaran arkitek di Malaysia dan di bawah undang-undang itu dibenarkan untuk mengamal atau menjalankan perniagaan sebagai arkitek;

“Borang” ertinya borang yang berkaitan yang dinyatakan dalam Garis Panduan;

“Garis Panduan” ertinya Garis Panduan Industri Pembetulan Malaysia yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya termasuk apa-apa pindaan padanya dari semasa ke semasa;

“jurutera” ertinya orang yang berdaftar sebagai jurutera profesional di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pendaftaran jurutera di Malaysia dan di bawah undang-undang itu dibenarkan untuk mengamal atau menjalankan perniagaan jurutera profesional;

“kerja-kerja pembetulan” ertinya—

(a) apa-apa pembinaan, pemasangan, penaiktarafan, pembaikpulihan, pengubahan, pengubahsuaian, pemotongan, penempatan semula atau penutupan sistem pembetulan, perpaipan pembetulan dalaman individu, perpaipan pembetulan dalaman bersama atau sebahagiannya; atau

(b) pembinaan sambungan ke pembetung;

“kerja-kerja tangki septik” ertinya apa-apa pembinaan, pemasangan, pembaikpulihan, pengubahan, pengubahsuaian, penyahtauliah atau penempatan semula tangki septik atau sebahagiannya;

“orang yang kompeten” ertinya seseorang yang berkeelayakan untuk mengemukakan perancangan dan reka bentuk pemetungan, menyelia pembinaan, pemasangan, ujian dan pemeriksaan kerja-kerja pemetungan atau kerja-kerja tangki septik sebagaimana yang dinyatakan dengan lebih khusus dalam Jadual 1;

“pelan pembangunan pemetungan” ertinya pelan terperinci yang mengandungi keperluan berkenaan dengan pembangunan dan pembaikan sistem pemetungan dan langkah-langkah untuk sistem pemetungan sedia ada yang disediakan oleh pemegang lesen dan diluluskan oleh Suruhanjaya;

“pelan tadahan pemetungan” ertinya pelan yang merumuskan polisi, strategi dan cadangan-cadangan am yang disediakan oleh Suruhanjaya bagi memenuhi keperluan pemetungan bagi sesuatu kawasan;

“pelukis pelan bangunan berdaftar” bagi maksud Kaedah-Kaedah ini ertinya mana-mana pelukis pelan bangunan yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan;

“pemaju” ertinya mana-mana orang atau agensi kerajaan yang terlibat dalam atau melaksanakan atau menjalankan atau memberikan wang untuk membangunkan kerja-kerja pemetungan atau kerja-kerja tangki septik;

“pemegang permit” ertinya mana-mana orang yang diberikan permit IPA Jenis B atau Jenis C di bawah Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 [*P.U. (A) 438/2007*];

“perancang bandar” ertinya mana-mana orang yang berdaftar sebagai perancang bandar di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pendaftaran perancang bandar di Malaysia dan di bawah undang-undang itu dibenarkan untuk mengamal atau menjalankan perniagaan sebagai perancang bandar;

“perancangan pemetungan” ertinya laporan berserta pelan perincian lokasi, susun atur dan penyusunan kerja-kerja pemetungan atau kerja-kerja tangki septik;

“PE” ertinya penduduk setara mengikut penduduk tetap bagi suatu penduduk yang pelbagai atau sementara untuk sisa domestik dari sektor termasuklah kediaman, komersial dan industri yang menyumbang aliran ke sistem pemetungan;

“prosedur perancangan” ertinya tatacara, polisi dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa berkaitan dengan perancangan sistem pemetungan atau tangki septik di mana-mana kawasan;

“reka bentuk” ertinya perincian reka bentuk, pelan, pengiraan, lukisan dan spesifikasi;

“Standard” ertinya apa-apa standard Malaysia, standard antarabangsa, spesifikasi dan kod amalan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN II

AM

Pemakaian Kaedah-Kaedah

3. Kaedah-Kaedah ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa pengemukaan yang dibuat bagi kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik yang telah bermula sebelum berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini.

Tanggungjawab pemaju

4. (1) Pemaju hendaklah memastikan supaya—

- (a) perancangan pembedungan dan reka bentuk kerja-kerja pembedungan dan kerja-kerja tangki septik disediakan mengikut Kaedah-Kaedah ini;
- (b) perancangan pembedungan dan reka bentuk bagi kerja-kerja pembedungan dan kerja-kerja tangki septik dikemukakan oleh orang yang kompeten kepada Suruhanjaya untuk kelulusan;
- (c) pembinaan kerja-kerja pembedungan dijalankan oleh pemegang permit;
- (d) penyeliaan kerja-kerja pembedungan dan kerja-kerja tangki septik dijalankan oleh orang yang kompeten; dan
- (e) pembangunan adalah mengikut pelan pembangunan pembedungan jika terdapat pelan pembangunan pembedungan bagi kawasan pembangunan pemaju.

(2) Seseorang pemaju yang tidak mematuhi perenggan (1)(a), (b), (c), (d) atau (e) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Pemaju hendaklah bertanggungjawab bagi bayaran fi seperti yang ditetapkan di bawah Bahagian IX.

Tatacara perancangan pembangunan

5. Suruhanjaya boleh mengeluarkan tatacara perancangan bagi apa-apa pembangunan seperti yang berikut:

- (a) kehendak am bagi perancangan sistem pembedungan dan tangki septik;

- (b) kehendak dan kriteria bagi reka bentuk kerja-kerja pemetungan atau kerja-kerja tangki septik supaya mematuhi—
 - (i) standard pelepasan alam sekitar; dan
 - (ii) kehendak kawasan tadahan pemetungan;
- (c) integrasi perancangan pemetungan dengan sistem pemetungan sedia ada, yang dirancang atau sedang dibina di kawasan di mana terletaknya pembangunan itu.

BAHAGIAN III

PERANCANGAN PEMETUNGAN

Syarat penyediaan perancangan pemetungan

6. (1) Perancangan pemetungan untuk kerja-kerja pemetungan atau kerja-kerja tangki septik hendaklah disediakan dengan mematuhi—

- (a) tatacara perancangan;
- (b) Garis Panduan; dan
- (c) pelan tadahan pemetungan.

(2) Jika terdapat pelan pembangunan pemetungan bagi kawasan pembangunan, perancangan pemetungan bagi kerja-kerja pemetungan atau kerja-kerja tangki septik hendaklah disediakan dengan selanjutnya mematuhi pelan pembangunan pemetungan tersebut.

(3) Perancangan pemetungan bagi kerja-kerja pemetungan atau kerja-kerja tangki septik hendaklah disediakan dengan mengambil kira yang berikut:

- (a) susun atur dan lokasi sistem pemetungan atau tangki septik;
- (b) susun atur keseluruhan projek pembangunan;
- (c) jenis proses rawatan kumbahan;
- (d) tempat penyambungan kepada sistem pemetungan sedia ada;
- (e) kedudukan dan laluan ke peralatan sampingan pemetungan;
- (f) integrasi kerja-kerja pemetungan atau kerja-kerja tangki septik yang dicadangkan dengan sistem pemetungan sedia ada atau pada masa hadapan di kawasan kerja-kerja pemetungan dan kerja-kerja tangki septik yang dicadangkan;
- (g) tempat pelepasan efluen terawat;
- (h) Standard; dan
- (i) apa-apa maklumat atau dokumen yang diperlukan oleh Suruhanjaya.

Permohonan kelulusan perancangan pembedungan

7. Orang yang kompeten hendaklah memohon kepada Suruhanjaya untuk kelulusan perancangan pembedungan bagi kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik dengan mengemukakan—

- (a) Borang yang diisi lengkap dengan sewajarnya bagi permohonan untuk kelulusan perancangan pembedungan;
- (b) persetujuan bertulis daripada pemunya tanah yang sistem pembedungan atau tangki septik akan dibina; dan
- (c) apa-apa dokumen, laporan, pelan, pengiraan atau butir-butir atau maklumat yang berkaitan yang diendors oleh orang yang kompeten dan dikehendaki oleh Suruhanjaya.

Pindaan kepada perancangan pembedungan

8. (1) Suruhanjaya boleh mengeluarkan notis bertulis kepada orang yang kompeten untuk meminda perancangan pembedungan dan mengemukakan semula perancangan pembedungan yang dipinda kepada Suruhanjaya untuk kelulusan.

(2) Orang yang kompeten hendaklah mengemukakan semula perancangan pembedungan yang dipinda kepada Suruhanjaya untuk kelulusan dalam tempoh enam bulan dari pengeluaran notis bertulis di bawah subkaedah (1).

(3) Apa-apa perancangan pembangunan yang dikemukakan semula selepas enam bulan dari pengeluaran notis bertulis di bawah subkaedah (1) hendaklah disifatkan sebagai pengemukaan baru untuk kelulusan perancangan pembedungan.

Kelulusan perancangan pembedungan

9. Suruhanjaya boleh meluluskan perancangan pembedungan atau perancangan pembedungan yang dipinda dan boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Tempoh sah kelulusan perancangan pembedungan

10. (1) Kelulusan perancangan pembedungan adalah sah bagi tempoh dua tahun dari tarikh kelulusan dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Apa-apa permohonan untuk melanjutkan tempoh sah kelulusan perancangan pembedungan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya tiga bulan sebelum tamat tempoh sah.

(3) Suruhanjaya boleh melanjutkan tempoh sah kelulusan perancangan pembedungan bagi tempoh yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya dan boleh mengenakan syarat-syarat tambahan.

(4) Apa-apa pengemukaan untuk melanjutkan tempoh sah kelulusan perancangan pembedungan hendaklah disifatkan sebagai pengemukaan baru jika pengemukaan tersebut dibuat—

- (a) apabila tempoh sah kelulusan telah luput; atau
- (b) kurang daripada tiga bulan sebelum tamat tempoh sah tersebut.

BAHAGIAN IV

REKA BENTUK

Syarat penyediaan reka bentuk

11. Reka bentuk kerja-kerja pembedungan dan kerja-kerja tangki septik hendaklah disediakan dengan pematuhan kepada—

- (a) Standard;
- (b) Garis Panduan;
- (c) perancangan pembedungan yang diluluskan oleh Suruhanjaya; dan
- (d) syarat-syarat lain yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya.

Permohonan kelulusan reka bentuk

12. (1) Reka bentuk kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik hendaklah dikemukakan dan diluluskan oleh Suruhanjaya dalam tempoh sah perancangan pembedungan yang diluluskan.

(2) Orang yang kompeten hendaklah memohon kepada Suruhanjaya untuk kelulusan reka bentuk bagi kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik dengan mengemukakan—

- (a) Borang yang diisi lengkap dengan sewajarnya untuk kelulusan reka bentuk;
- (b) satu salinan kelulusan perancangan projek atau pembangunan daripada pihak berkuasa perancangan tempatan yang berkaitan;
- (c) pelan-pelan yang diendorskan oleh orang yang kompeten dan pemaju;
- (d) pengiraan reka bentuk yang diendors oleh orang yang kompeten; dan
- (e) maklumat atau dokumen-dokumen lain yang diperlukan oleh Suruhanjaya.

Orang yang kompeten untuk meminda reka bentuk

13. (1) Suruhanjaya boleh memberi notis bertulis kepada orang yang kompeten untuk meminda reka bentuk dan mengemukakan semula reka bentuk yang telah dipinda kepada Suruhanjaya untuk kelulusan.

(2) Orang yang kompeten hendaklah mengemukakan semula reka bentuk yang dipinda kepada Suruhanjaya untuk kelulusan dalam tempoh enam bulan dari pengeluaran notis bertulis di bawah subkaedah (1).

(3) Apa-apa reka bentuk yang dikemukakan semula selepas enam bulan daripada pengeluaran notis bertulis di bawah subkaedah (1) hendaklah disifatkan sebagai pengemukaan baru reka bentuk untuk kelulusan.

Kelulusan reka bentuk

14. Suruhanjaya boleh meluluskan reka bentuk atau reka bentuk yang dipinda dan mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Tempoh sah kelulusan reka bentuk

15. (1) Kelulusan reka bentuk adalah sah untuk tempoh dua tahun dari tarikh pengeluaran kelulusan oleh Suruhanjaya.

(2) Apa-apa permohonan untuk melanjutkan tempoh sah kelulusan reka bentuk hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya, tiga bulan sebelum tamat tempoh sah.

(3) Suruhanjaya boleh melanjutkan tempoh sah kelulusan reka bentuk dan boleh mengenakan syarat-syarat tambahan.

(4) Apa-apa pengemukaan semula bagi melanjutkan tempoh sah kelulusan reka bentuk yang telah diluluskan hendaklah disifatkan sebagai pengemukaan baru jika pengemukaan tersebut dibuat—

(a) apabila tempoh sah untuk kelulusan telah luput; atau

(b) bila-bila masa kurang daripada tiga bulan sebelum tamat tempoh sah tersebut.

BAHAGIAN V

PEMBINAAN

Bab 1

Kehendak am

Permulaan pembinaan

16. (1) Pembinaan kerja-kerja pembetulan atau kerja-kerja tangki septik hendaklah bermula dalam tempoh sah reka bentuk yang diluluskan.

(2) Jika kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik tidak dimulakan dalam tempoh sah kelulusan reka bentuk untuk kerja-kerja sedemikian, orang yang kompeten hendaklah mengemukakan permohonan baru perancangan pembedungan dan reka bentuk untuk kelulusan mengikut Kaedah-Kaedah ini sebelum memulakan kerja-kerja sedemikian.

Pematuhan semasa pembinaan

17. (1) Seseorang yang menjalankan pembinaan kerja-kerja pembedungan dan kerja-kerja tangki septik hendaklah mematuhi—

- (a) perancangan pembedungan dan reka bentuk yang diluluskan;
- (b) Garis Panduan;
- (c) Standard; dan
- (d) apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dan pihak berkuasa lain yang berkaitan.

(2) Mana-mana pemaju, orang yang kompeten atau kontraktor yang tidak mematuhi Standard dalam pembinaan kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pemeriksaan oleh Suruhanjaya

18. (1) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya boleh memeriksa kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(2) Orang yang kompeten hendaklah menjalankan apa-apa pembaikan yang diberitahu oleh Suruhanjaya.

(3) Orang yang kompeten hendaklah memberitahu Suruhanjaya secara bertulis apabila pembaikan itu siap.

Sampel untuk ujian

19. (1) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya hendaklah dibenarkan untuk mengambil sampel material yang digunakan dalam pembinaan kerja-kerja pembedungan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya untuk pengujian.

(2) Apa-apa kos yang dilakukan oleh Suruhanjaya untuk pengujian material hendaklah ditanggung oleh pemaju.

(3) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya hendaklah tidak bertanggung bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau kos yang disebabkan dari mengambil sampel menurut subkaedah (1).

Bab 2

*Pembinaan kerja pembedungan***Notis bagi memulakan pembinaan kerja pembedungan**

20. (1) Orang yang kompeten hendaklah memberitahu Suruhanjaya mengenai—

- (a) permulaan pembinaan kerja-kerja pembedungan; dan
- (b) tarikh penyambungan ke pembedung awam atau tempat rawatan kumbahan awam jika kerja-kerja pembedungan melibatkan apa-apa penyambungan ke pembedung awam atau tempat rawatan kumbahan awam,

dalam Borang bagi notis permulaan kerja-kerja yang hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum tarikh permulaan pembinaan yang dicadangkan.

(2) Dokumen yang berikut hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya bersama-sama dengan Borang bagi notis permulaan kerja-kerja bagi semua kerja-kerja pembedungan kecuali bagi kerja-kerja pembedungan yang hanya melibatkan pembinaan penyambungan ke pembedung awam sedia ada atau untuk pembinaan rangkaian pembedung:

- (a) satu salinan pelan-pelan struktural terperinci kerja-kerja pembedungan termasuk kehendak bagi tapak dan kestabilan bersama-sama dengan suatu salinan pengiraan reka bentuk yang jelas dalam Borang bagi butir-butir pelan struktural dan pengiraan reka bentuk; dan
- (b) satu salinan reka bentuk elektrik, reka bentuk mekanikal dan lukisan yang terperinci bagi pemasangan kerja-kerja pembedungan dalam Borang bagi butir-butir reka bentuk elektrik, reka bentuk mekanikal dan lukisan.

(3) Orang yang kompeten atau mana-mana orang yang memulakan pembinaan kerja-kerja pembedungan sebelum memberitahu Suruhanjaya mengenai pembinaan sedemikian di bawah subkaedah (1), melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Notis untuk mendedahkan kerja

21. Suruhanjaya boleh mengeluarkan notis di dalam Borang untuk mendedahkan kerja, kepada mana-mana orang yang gagal untuk memberi notis kepada Suruhanjaya di bawah subkaedah 20(1) sebelum memulakan pembinaan kerja-kerja pembedungan untuk mengorek, memotong ke dalam, mendedahkan, menjalankan kerja-kerja yang perlu, atau meruntun sebanyak mana kerja yang dianggap perlu oleh Suruhanjaya pada kos orang tersebut dan dalam tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya bagi membolehkan Suruhanjaya atau mana-mana orang diberi kuasa oleh Suruhanjaya untuk memeriksa kerja-kerja pembedungan tersebut.

Bab 3

*Pembinaan kerja tangki septik***Notis memulakan pembinaan kerja tangki septik**

22. (1) Orang yang kompeten hendaklah memberitahu Suruhanjaya mengenai permulaan pembinaan kerja-kerja pembinaan tangki septik dalam Borang untuk notis permulaan kerja-kerja, sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum tarikh permulaan pembinaan yang dicadangkan.

(2) Orang yang kompeten atau mana-mana orang yang memulakan pembinaan kerja-kerja tangki septik sebelum memberitahu kepada Suruhanjaya berhubung pembinaan tersebut di bawah subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Notis penyiapan kerja tangki septik

23. Orang yang kompeten hendaklah mengisytiharkan di dalam Borang pengisytiharan penyeliaan kerja-kerja tangki septik, bahawa dia telah menyelia kerja-kerja tangki septik dan mengemukakan Borang tersebut kepada Suruhanjaya selepas kerja-kerja tangki septik siap.

BAHAGIAN VI

PEMERIKSAAN DAN SURAT PENGESAHAN

Bab 1

*Pemeriksaan kerja pembedungan***Pemeriksaan pertengahan**

24. (1) Orang yang kompeten hendaklah memberitahu Suruhanjaya apabila kerja-kerja pembedungan akan sedia untuk pemeriksaan pertengahan dalam Borang untuk pemeriksaan pertengahan.

(2) Orang yang kompeten hendaklah menyelia pemeriksaan pertengahan kerja-kerja pembedungan dan memastikan bahawa kerja-kerja pembedungan mematuhi—

- (a) perancangan pembedungan dan reka bentuk yang diluluskan;
- (b) Garis Panduan;
- (c) Standard; dan
- (d) apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya atau mana-mana orang diberi kuasa oleh Suruhanjaya boleh menyaksikan pemeriksaan pertengahan kerja-kerja pembedungan tersebut dan boleh mengeluarkan notis bertulis kepada orang yang kompeten dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh penerimaan Borang untuk pemeriksaan pertengahan bagi memberitahu orang yang kompeten untuk memperbaiki apa-apa ketidakpatuhan perancangan pembedungan dan reka bentuk yang diluluskan atau mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini dalam masa yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(4) Orang yang kompeten hendaklah apabila memperbaiki ketidakpatuhan tersebut, memberitahu secara bertulis kepada Suruhanjaya berhubung pembaikan tersebut.

(5) Rekod pemeriksaan pertengahan dan apa-apa ujian lain yang diperlukan untuk kerja-kerja pembedungan hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh orang yang kompeten dan rekod tersebut hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya setelah pemeriksaan pertengahan siap.

Notis pemeriksaan akhir

25. (1) Apabila kerja-kerja pembedungan siap, orang yang kompeten hendaklah memberitahu Suruhanjaya mengenai tarikh kerja-kerja pembedungan akan sedia untuk pemeriksaan akhir dengan mengemukakan kepada Suruhanjaya dokumen-dokumen yang berikut:

- (a) Borang untuk pemeriksaan akhir;
- (b) dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam Garis Panduan; dan
- (c) apa-apa maklumat atau dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya hendaklah menyaksikan pemeriksaan akhir dan boleh apabila disifatkan perlu, mengeluarkan notis bertulis kepada orang yang kompeten untuk memperbaiki apa-apa ketidakpatuhan kepada perancangan pembedungan dan reka bentuk yang telah diluluskan atau mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan Borang untuk pemeriksaan akhir.

(3) Orang yang kompeten hendaklah apabila memperbaiki ketidakpatuhan tersebut, memberitahu Suruhanjaya secara bertulis berhubung pembaikan tersebut dengan mengemukakan semula Borang untuk pemeriksaan akhir kepada Suruhanjaya untuk—

- (a) memperakukan kecacatan yang dimaklumkan oleh Suruhanjaya telah diperbaiki; dan
- (b) memberitahu tarikh bila kerja-kerja pembedungan sedia untuk pemeriksaan akhir.

(4) Satu rekod pemeriksaan akhir hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh orang yang kompeten dan rekod tersebut hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya apabila pemeriksaan akhir siap.

Penyerahan tanah dan izin lalu

26. (1) Pemaju sesuatu pembangunan baru yang membina sistem pembedungan atau sebahagian daripada sistem itu yang akan diserahkan kepada pemegang lesen perkhidmatan di bawah seksyen 47 Akta hendaklah bersama-sama dengan Borang untuk kelulusan reka bentuk kerja-kerja pembedungan yang dikemukakan oleh orang yang kompeten, mengemukakan bukti dokumentari yang menerangkan bahawa segala langkah atau tindakan perlu yang dikehendaki di bawah Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] atau apa-apa perundangan lain telah diambil atau dipatuhi oleh pemaju termasuk apa-apa kelulusan yang perlu diperolehi dan fi atau duti yang kena dibayar di bawah perundangan tersebut, untuk penyerahan tanah di mana sistem pembedungan atau sebahagian sistem terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Apabila sistem pembedungan atau sebahagian daripada sistem itu diserahkan di bawah seksyen 47 Akta dan sebelum penyelesaian penyerahan tanah di mana sistem pembedungan atau sebahagian sistem terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri, pemaju hendaklah membenarkan atau menyebabkan pemilik membenarkan pemegang lesen perkhidmatan memasuki tanah dan menjalankan apa-apa pembaikan, peningkatan atau penaiktarafan sistem itu.

(3) Jika mana-mana bahagian sistem pembedungan yang dibina oleh pemaju di atas tanah persendirian, apa-apa izin lalu telah didapatkan oleh pemaju berhubung dengan tanah sedemikian hendaklah diserahkan untuk selama-lamanya kepada pemegang lesen perkhidmatan.

Bab 2

Surat Pengesahan

Surat pengesahan untuk kerja-kerja pembedungan dan kerja-kerja tangki septik

27. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), Suruhanjaya boleh mengeluarkan surat pengesahan untuk mengesahkan bahawa perakuan pematuhan boleh dikeluarkan untuk kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik selepas—

- (a) menerima Borang pengisytiharan penyeliaan kerja-kerja tangki septik oleh orang yang kompeten bagi kerja-kerja tangki septik; atau
- (b) pemeriksaan akhir untuk kerja-kerja pembedungan telah disaksikan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh mengeluarkan surat pengesahan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik telah dibina menurut Kaedah-Kaedah ini; dan
- (b) pemaju dan orang yang kompeten telah mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN VII

PENYERAHAN SISTEM PEMBETUNGAN

Penyerahan sistem pembedungan

28. (1) Apabila sijil perakuan pematuhan ke atas sistem pembedungan atau sebahagian daripada sistem itu dikeluarkan oleh orang yang berkelayakan di bawah seksyen 47 Akta, pemaju pembangunan baru hendaklah memohon kepada Suruhanjaya dalam Borang bagi penyerahan sistem pembedungan untuk menyerahkan sistem pembedungan atau sebahagian daripada sistem itu kepada pemegang lesen perkhidmatan.

(2) Pemegang lesen perkhidmatan hendaklah menerima penyerahan sistem pembedungan atau sebahagian daripada sistem itu tanpa sebarang kos bagi kegunaan sistem pembedungan awam apabila pemegang lesen perkhidmatan berpuas hati bahawa—

- (a) sistem pembedungan atau sebahagian daripada sistem itu telah disempurnakan dan semua bahagiannya berjalan dengan baik; dan
- (b) perancangan pembedungan dan reka bentuk yang diluluskan, semua syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya, Garis Panduan dan Standard telah dipatuhi.

Pengendalian dan penyelenggaraan sistem pembedungan sebelum penyerahan

29. Sehingga sistem pembedungan diserahkan kepada pemegang lesen perkhidmatan di bawah seksyen 47 Akta, pemaju pembangunan baru hendaklah—

- (a) bertanggungjawab untuk menyebabkan sistem pembedungan dan semua bahagiannya dikendali dan diselenggara;
- (b) membaiki sebarang kerosakan atau kecacatan pada sistem pembedungan dan semua bahagiannya; dan
- (c) mengambil semua langkah keselamatan dan penjagaan ke atas sistem pembedungan dan semua bahagiannya.

Tempoh tanggungan kecacatan

30. (1) Apabila sistem pembedungan atau sebahagian daripada sistem itu diserahkan di bawah seksyen 47 Akta, satu tempoh tanggungan kecacatan akan dikenakan ke atas pemaju bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh penyerahan kepada pemegang lesen perkhidmatan.

(2) Pemaju hendaklah memberi jaminan semasa tempoh tanggungan kecacatan sistem pembedungan dan jaminan itu hendaklah diserahkan kepada pemegang lesen perkhidmatan apabila orang yang kompeten mengemukakan Borang untuk pemeriksaan akhir kepada Suruhanjaya.

(3) Jumlah jaminan hendaklah lima peratus daripada kos sistem pemetungan yang akan diserahkan oleh pemaju di bawah seksyen 47 Akta.

(4) Jaminan itu hendaklah diberikan dalam bentuk jaminan bank dan hendaklah sah bagi tempoh lima belas bulan dari tarikh penyerahan sistem pemetungan kepada pemegang lesen perkhidmatan.

(5) Jaminan itu hendaklah sebagai suatu sekuriti dan bukannya bayaran pendahuluan dan tidak membebaskan pemaju daripada apa-apa tanggungan di bawah subkaedah (6).

(6) Jika pembaikan dikehendaki dalam tempoh tanggungan kecacatan untuk apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan atau apa saja kerosakan yang lain yang boleh timbul atau yang disebabkan oleh bahan atau barangan atau mutu kerja yang tidak mengikuti perancangan pemetungan dan reka bentuk yang diluluskan, Garis Panduan dan Standard, pemegang lesen perkhidmatan hendaklah dengan serta merta memberitahu pemaju dan pemaju hendaklah menjalankan kerja-kerja pembaikan.

(7) Sepanjang tempoh tanggungan kecacatan, jika pemaju gagal menjalankan pembaikan dalam tempoh dua puluh satu hari dari notis oleh pemegang lesen perkhidmatan, pemegang lesen perkhidmatan boleh menjalankan pembaikan itu.

(8) Apa-apa kos pembaikan akibat dari apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan atau apa-apa kerosakan lain di bawah subkaedah (6) boleh didapatkan balik oleh pemegang lesen perkhidmatan dengan menggunakan jaminan bank yang telah diserahkan oleh pemaju di bawah subkaedah (2).

(9) Jika kos pembaikan tersebut melebihi amaun jaminan bank yang diberi, lebihan itu boleh didapatkan balik oleh pemegang lesen perkhidmatan daripada pemaju dalam tempoh masa tiga puluh hari dari penggunaan jaminan bank.

(10) Apabila jaminan bank itu telah digunakan oleh pemegang lesen perkhidmatan di bawah subkaedah (8), pemaju hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penggunaan menggantikan semula jumlah jaminan bank untuk memastikan jumlah jaminan adalah seperti yang dinyatakan di bawah subkaedah (3).

(11) Apabila tamat tempoh jaminan bank yang dirujuk dalam subkaedah (4), jaminan bank hendaklah dibatalkan setelah ditolak apa-apa potongan ke atas apa-apa amaun yang kena dibayar kepada pemegang lesen perkhidmatan akibat daripada apa-apa kecacatan pada sistem pemetungan.

BAHAGIAN VIII

ORANG YANG KOMPETEN

Tanggungjawab orang yang kompeten

31. Orang yang kompeten yang mengemukakan reka bentuk untuk kelulusan Suruhanjaya hendaklah menyelia dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk—

- (a) pembinaan, pemasangan dan pemeriksaan kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik sehingga kerja-kerja tersebut sempurna; dan
- (b) prestasi kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik.

Kewajipan orang yang kompeten

32. (1) Orang yang kompeten yang menyediakan perancangan pembedungan atau reka bentuk untuk kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik hendaklah memastikan—

- (a) bahawa perancangan pembedungan dan reka bentuk mematuhi peruntukan-peruntukan Akta serta Kaedah-Kaedah ini;
- (b) supaya pelan, pengiraan, laporan, data, rekod atau dokumen lain berkaitan yang digunakan bagi tujuan mendapatkan kelulusan perancangan pembedungan atau reka bentuk daripada Suruhanjaya tidak palsu dari segi butir penting; dan
- (c) apa-apa pengesahan di dalam Borang oleh orang yang kompeten adalah benar dan tepat.

(2) Mana-mana orang yang kompeten yang menjalankan penyeliaan pembinaan dan pemasangan kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik hendaklah memastikan kerja-kerja tersebut mematuhi—

- (a) peruntukan-peruntukan Akta dan Kaedah-Kaedah ini;
- (b) perancangan pembedungan dan reka bentuk yang diluluskan oleh Suruhanjaya termasuk apa-apa syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya; dan
- (c) Garis Panduan dan Standard.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subkaedah (1) atau (2) melakukan satu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada orang yang kompeten apabila disabitkan ke atas mana-mana kesalahan di bawah Kaedah ini boleh menyediakan, mengemukakan apa-apa perancangan pembedungan, reka bentuk atau menyelia apa-apa pembinaan kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik.

(5) Mana-mana orang yang gagal mematuhi subkaedah (4) melakukan satu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pertukaran orang yang kompeten

33. (1) Jika orang yang kompeten berhenti menjalankan tugasnya berkenaan kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik dalam pembangunan, pemaju hendaklah memberitahu Suruhanjaya dalam masa empat belas hari dari tarikh pemberhentian menjalankan tugas tersebut.

(2) Pemaju dikehendaki dengan secepat yang dapat dilaksanakan melantik orang yang kompeten yang lain dan memberitahu Suruhanjaya secara bertulis mengenai pelantikan tersebut.

(3) Kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik tidak boleh diteruskan sehingga orang yang kompeten baru dilantik oleh pemaju dan sehingga pelantikan tersebut, pemaju adalah bertanggungjawab untuk mengambil segala langkah-langkah keselamatan bagi kerja-kerja tersebut.

(4) Orang yang kompeten yang baru dilantik di bawah subkaedah (2) dikehendaki bertanggungjawab sepenuhnya untuk reka bentuk, penyeliaan pembinaan, pemasangan, pemeriksaan dan pencapaian kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik dan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk tindakan atau ketinggalan kesemua orang yang kompeten yang bertanggungjawab untuk reka bentuk, menyelia pembinaan, pemasangan, pemeriksaan dan pelaksanaan kerja-kerja tersebut sebelum pelantikannya.

Tanggungjawab orang yang kompeten

34. Walau apa pun kelulusan, pemeriksaan atau perakuan oleh Suruhanjaya mengikut Kaedah-Kaedah ini, orang yang kompeten adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi reka bentuk, kualiti pembinaan dan pemasangan kerja-kerja pembedungan dan kerja-kerja tangki septik dan hendaklah tetap bertanggungjawab untuk mana-mana kecacatan atau kegagalan di dalam reka bentuk, pembinaan dan pemasangan kerja-kerja pembedungan dan kerja-kerja tangki septik termasuk kecacatan atau kegagalan dalam proses rawatan dan kestabilan struktur.

BAHAGIAN IX

FI

Pembayaran fi untuk kelulusan perancangan pembedungan

35. (1) Mana-mana orang apabila mengemukakan Borang untuk permohonan kelulusan perancangan pembedungan untuk kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik hendaklah membayar fi yang berikut:

- (a) fi untuk tangki septik seperti yang ditetapkan dalam ruang (2) Bahagian I Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian I Jadual 2;

- (b) fi untuk sambungan tunggal seperti yang ditetapkan dalam ruang (2) Bahagian II Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian II Jadual 2;
- (c) fi untuk rangkaian pemetung seperti yang ditetapkan dalam ruang (2) Bahagian III Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian III Jadual 2;
- (d) fi untuk stesen pam seperti yang ditetapkan dalam ruang (2) Bahagian IV Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian IV Jadual 2; dan
- (e) fi untuk loji rawatan kumbahan seperti yang ditetapkan dalam ruang (2) Bahagian V Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian V Jadual 2.

(2) Fi yang dibayar untuk pengemukaan perancangan pemetungan bagi kelulusan Suruhanjaya adalah termasuk pengemukaan permulaan dan pengemukaan semula pertama perancangan pemetungan untuk kerja-kerja pemetungan dan kerja-kerja tangki septik.

(3) Amaun fi yang sama seperti pengemukaan permulaan akan dikenakan untuk setiap pengemukaan semula kedua perancangan pemetungan kepada Suruhanjaya bagi kelulusan Suruhanjaya.

(4) Apa-apa pengemukaan kepada Suruhanjaya untuk kelulusan pindaan kepada perancangan pemetungan setelah perancangan pemetungan diluluskan oleh Suruhanjaya hendaklah dianggap sebagai pengemukaan baru dan amaun fi yang sama seperti pengemukaan permulaan akan dikenakan.

Pembayaran fi untuk kelulusan reka bentuk

36. (1) Mana-mana orang apabila mengemukakan Borang untuk permohonan kelulusan reka bentuk untuk kerja-kerja pemetungan atau kerja-kerja tangki septik hendaklah membayar fi yang berikut:

- (a) fi untuk tangki septik seperti yang ditetapkan dalam ruang (3) Bahagian I Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian I Jadual 2;
- (b) fi untuk sambungan tunggal seperti yang ditetapkan dalam ruang (3) Bahagian II Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian II Jadual 2;
- (c) fi untuk rangkaian pemetung seperti yang ditetapkan dalam ruang (3) Bahagian III Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian III Jadual 2;
- (d) fi untuk stesen pam seperti yang ditetapkan dalam ruang (3) Bahagian IV Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian IV Jadual 2; dan
- (e) fi untuk loji rawatan kumbahan seperti yang ditetapkan dalam ruang (3) Bahagian V Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian V Jadual 2.

(2) Fi yang dibayar untuk pengemukaan reka bentuk bagi kelulusan Suruhanjaya adalah termasuk pengemukaan permulaan dan pengemukaan semula pertama reka bentuk bagi kerja-kerja pembedungan atau kerja-kerja tangki septik.

(3) Amaun fi yang sama seperti pengemukaan permulaan akan dikenakan untuk setiap pengemukaan semula kedua reka bentuk kepada Suruhanjaya bagi kelulusan Suruhanjaya.

(4) Apa-apa pengemukaan kepada Suruhanjaya untuk kelulusan pindaan kepada reka bentuk setelah reka bentuk diluluskan oleh Suruhanjaya hendaklah dianggap sebagai pengemukaan baru dan amaun fi yang sama seperti pengemukaan permulaan akan dikenakan.

Pembayaran fi untuk permulaan kerja-kerja pembedungan

37. Mana-mana orang apabila mengemukakan setiap Borang pemberitahuan permulaan kerja-kerja pembedungan hendaklah membayar fi yang berikut:

- (a) fi untuk sambungan tunggal seperti yang ditetapkan dalam ruang (4) Bahagian II Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian II Jadual 2;
- (b) fi untuk rangkaian pembedung seperti yang ditetapkan dalam ruang (4) Bahagian III Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian III Jadual 2;
- (c) fi untuk stesen pam seperti yang ditetapkan dalam ruang (4) Bahagian IV Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian IV Jadual 2; dan
- (d) fi untuk loji rawatan kumbahan seperti yang ditetapkan dalam ruang (4) Bahagian V Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian V Jadual 2.

Pembayaran fi untuk pemeriksaan pertengahan

38. Mana-mana orang apabila mengemukakan setiap Borang pemberitahuan pemeriksaan pertengahan kerja-kerja pembedungan hendaklah membayar fi yang berikut:

- (a) fi untuk sambungan tunggal seperti yang ditetapkan dalam ruang (5) Bahagian II Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian II Jadual 2;
- (b) fi untuk rangkaian pembedung seperti yang ditetapkan dalam ruang (5) Bahagian III Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian III Jadual 2;
- (c) fi untuk stesen pam seperti yang ditetapkan dalam ruang (5) Bahagian IV Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian IV Jadual 2; dan
- (d) fi untuk loji rawatan kumbahan seperti yang ditetapkan dalam ruang (5) Bahagian V Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian V Jadual 2.

Pembayaran fi untuk pemeriksaan akhir

39. (1) Mana-mana orang apabila mengemukakan Borang pemberitahuan pemeriksaan akhir kerja-kerja pemetungan hendaklah membayar fi yang berikut:

- (a) fi untuk sambungan tunggal seperti yang ditetapkan dalam ruang (6) Bahagian II Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian II Jadual 2;
- (b) fi untuk rangkaian pemetung seperti yang ditetapkan dalam ruang (6) Bahagian III Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian III Jadual 2;
- (c) fi untuk stesen pam seperti yang ditetapkan dalam ruang (6) Bahagian IV Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian IV Jadual 2; dan
- (d) fi untuk loji rawatan kumbahan seperti yang ditetapkan dalam ruang (6) Bahagian V Jadual 2 mengikut saiz pembangunan yang ditetapkan dalam ruang (1) Bahagian V Jadual 2.

(2) Fi yang dibayar untuk pemeriksaan akhir kerja-kerja pemetungan termasuk pemeriksaan akhir permulaan dan satu pemeriksaan yang berikutnya yang dibuat dalam tempoh tiga bulan dari pemeriksaan akhir permulaan.

(3) Apa-apa pemeriksaan akhir berikutan yang dibuat selepas tempoh tiga bulan dari pemeriksaan akhir permulaan hendaklah dianggap sebagai pengemukakan baru dan amaun fi yang sama seperti pemeriksaan akhir permulaan akan dikenakan.

JADUAL 1

ORANG YANG KOMPETEN

(Kaedah 2)

<i>Jenis Permohonan</i>	<i>Orang yang kompeten</i>
Perancangan pemetungan untuk kerja-kerja pemetungan	Arkitek, perancang bandar atau jurutera
Perancangan pemetungan untuk kerja-kerja tangki septik	a. Arkitek atau jurutera b. Pelukis pelan bangunan berdaftar (untuk satu rumah kediaman sahaja)
Reka bentuk untuk kerja-kerja tangki septik	a. Arkitek atau jurutera b. Pelukis pelan bangunan berdaftar (untuk satu rumah kediaman sahaja)
Reka bentuk untuk rangkaian pemetung	Jurutera (disiplin awam, alam sekitar, kimia atau mekanikal)

<i>Jenis Permohonan</i>	<i>Orang yang kompeten</i>
Reka bentuk untuk stesen pam	Jurutera (disiplin awam, alam sekitar, kimia atau mekanikal)
Reka bentuk untuk loji rawatan kumbahan	Jurutera (disiplin awam, alam sekitar, kimia atau mekanikal)
Reka bentuk struktural	Jurutera (disiplin sivil atau struktural)
Reka bentuk pemasangan elektrik	Jurutera (disiplin elektrik)
Reka bentuk pemasangan mekanikal	Jurutera (disiplin mekanikal)

JADUAL 2

BAHAGIAN I

FI UNTUK TANGKI SEPTIK

(Kaedah 35 dan 36)

(1) <i>Saiz Pembangunan</i>	(2) <i>Kelulusan Perancangan Pembedungan (RM)</i>	(3) <i>Kelulusan Reka Bentuk (RM)</i>
Satu rumah kediaman sehingga 5 PE	150.00	~
Pembangunan antara 6 PE hingga 150 PE	200.00	150.00
Pembangunan yang melebihi 150 PE	400.00	200.00

BAHAGIAN II

FI UNTUK SAMBUNGAN TUNGGAL

(Kaedah 35, 36, 37, 38 dan 39)

(1) <i>Saiz Pembangunan</i>	(2) <i>Kelulusan Perancangan Pembedungan (RM)</i>	(3) <i>Kelulusan Reka Bentuk (RM)</i>	(4) <i>Mula Kerja (RM)</i>	(5) <i>Pemeriksaan Pertengahan (RM)</i>	(6) <i>Pemeriksaan Akhir (RM)</i>
Satu rumah kediaman sehingga 10 PE	200.00	~	~	~	~

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
<i>Saiz Pembangunan</i>	<i>Kelulusan Perancangan Pemetungan (RM)</i>	<i>Kelulusan Reka Bentuk (RM)</i>	<i>Mula Kerja (RM)</i>	<i>Pemeriksaan Pertengahan (RM)</i>	<i>Pemeriksaan Akhir (RM)</i>
Pembangunan antara 11 PE hingga 150 PE	150.00	150.00	120.00	300.00	300.00
Pembangunan antara 151 PE hingga 500 PE	400.00	250.00	120.00	300.00	300.00
Pembangunan antara 501 PE hingga 2,000 PE	550.00	400.00	120.00	600.00	600.00
Pembangunan yang melebihi 2,000 PE	550.00	500.00	120.00	700.00	700.00

BAHAGIAN III

FI UNTUK RANGKAIAN PEMBETUNG (Kaedah 35, 36, 37, 38 dan 39)

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
<i>Saiz Pembangunan</i>	<i>Kelulusan Perancangan Pemetungan (RM)</i>	<i>Kelulusan Reka Bentuk (RM)</i>	<i>Mula Kerja (RM)</i>	<i>Pemeriksaan Pertengahan (RM)</i>	<i>Pemeriksaan Akhir (RM)</i>
Pembangunan sehingga 150 PE	350.00	200.00	120.00	300.00	300.00
Pembangunan antara 151 hingga 1,000 PE	450.00	300.00	120.00	700.00	700.00
Pembangunan antara 1,001 hingga 5,000 PE	500.00	450.00	120.00	700.00	700.00
Pembangunan antara 5,001 hingga 10,000 PE	550.00	500.00	120.00	750.00	750.00
Pembangunan antara 10,001 hingga 20,000 PE	700.00	550.00	120.00	800.00	800.00
Pembangunan melebihi 20,000 PE	750.00	650.00	120.00	850.00	850.00

BAHAGIAN IV

 FI UNTUK STESEN PAM
 (Kaedah 35, 36, 37, 38 dan 39)

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
<i>Saiz Pembangunan</i>	<i>Kelulusan Perancangan Pemetungan (RM)</i>	<i>Kelulusan Reka Bentuk (RM)</i>	<i>Mula Kerja (RM)</i>	<i>Pemeriksaan Pertengahan (RM)</i>	<i>Pemeriksaan Akhir (RM)</i>
Pembangunan sehingga 150 PE	350.00	200.00	120.00	300.00	300.00
Pembangunan antara 151 hingga 1,000 PE	500.00	250.00	120.00	500.00	500.00
Pembangunan antara 1,001 hingga 5,000 PE	550.00	300.00	120.00	600.00	600.00
Pembangunan antara 5,001 hingga 10,000 PE	650.00	350.00	120.00	700.00	700.00
Pembangunan antara 10,001 hingga 20,000 PE	700.00	450.00	120.00	700.00	700.00
Pembangunan melebihi 20,000 PE	700.00	500.00	120.00	700.00	700.00

BAHAGIAN V

 FI LOJI RAWATAN KUMBAHAN
 (Kaedah 35, 36, 37, 38 dan 39)

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
<i>Saiz Pembangunan</i>	<i>Kelulusan Perancangan Pemetungan (RM)</i>	<i>Kelulusan Reka Bentuk (RM)</i>	<i>Mula Kerja (RM)</i>	<i>Pemeriksaan Pertengahan (RM)</i>	<i>Pemeriksaan Akhir (RM)</i>
Pembangunan sehingga 150 PE	350.00	200.00	120.00	300.00	300.00
Pembangunan antara 151 hingga 1,000 PE	550.00	450.00	120.00	700.00	700.00
Pembangunan antara 1,001 hingga 5,000 PE	650.00	550.00	120.00	700.00	700.00

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
<i>Saiz Pembangunan</i>	<i>Kelulusan Perancangan Pemetungan (RM)</i>	<i>Kelulusan Reka Bentuk (RM)</i>	<i>Mula Kerja (RM)</i>	<i>Pemeriksaan Pertengahan (RM)</i>	<i>Pemeriksaan Akhir (RM)</i>
Pembangunan antara 5,001 hingga 10,000 PE	700.00	600.00	120.00	700.00	700.00
Pembangunan antara 10,001 hingga 20,000 PE	750.00	850.00	120.00	1,600.00	1,600.00
Pembangunan melebihi 20,000 PE	750.00	850.00	120.00	1,600.00	1,600.00

Dibuat 21 Jun 2013

[KeTTHA:BP(S) 9/9 Klt 23; PN(PU2)660/VIII]

DATO' ISMAIL BIN KASIM
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara